KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SABTU 29 JUN 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br><br>3. | RM3J NAIK TARAF JETI TANJUNG PIAI, NEWS, BERITA HARIAN (JOHOR) -61<br>PROSES PEMUTIHAN PESAWAH, ELAK KETIRISAN SUBSIDI BAJA, NEWS, BERITA HARIAN ONLINE -3<br>PEKERJA AFRIKA: KEPUTUSAN BELUM MUKTAMAD – SALAHUDIN, NEWS, MALAYSIA GAZETTE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 4.<br>5.<br>6. | CILI BESAR JANA PENDAPATAN MASJID, RENCANA UTAMA, KOSMO -20<br>MASJID JAMEK PENGKALAN HULU, PERAK, RENCANA UTAMA, KOSMO -21<br>SOKONG USAHA BERTANI DI MASJID, RENCANA UTAMA -21 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 7.<br>8.<br>9.<br>10. | HARGA DURIAN TIMBANG LEBIH KOMPETITIF, NEGARA, KOSMO -16<br>USAHA BOIKOT JUALAN DURIAN TIMBANG, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -44<br>PETANI LABU MANIS RAIH RM30,000 SEMUSIM, INSPIRASI, BERITA HARIAN -20<br>SEMANIS LABU, SETEMPAT, HARIAN METRO -34 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 11.<br>12.<br>13.<br>14. | BERHENTI JADI TUKANG MASAK TANAM CENDAWAN, INSPIRASI, BERITA HARIAN -20<br>MAKAN DURIAN SAMBIL BELAJAR CARA TANAM, TEMERLOH, SINAR HARIAN -36<br>GALAK PEKEBUN KECIL USAHA SECARA ESTET, MUKA SEPULUH, BERITA HARIAN -10<br>CEF TINGGAL KERJAYA CEBURI PROJEK TANAMAN CENDAWAN TIRAM, SETEMPAT, HARIAN METRO -30 | LAIN – LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| Headline | RM3j naik taraf jeti Tanjung Piai | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Berita Harian (Johor) | | |
| Date | 29 Jun 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 9,832 |
| Page No | 61 | Readership | 29,496 |
| Language | Malay | ArticleSize | 371 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 8,536 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 25,607 |



# RM3j naik taraf jeti Tanjung Piai

## Tambah baik kemudahan infrastruktur bantu nelayan



*Dr Md Farid Md Rafik*



*Jeti nelayan di Tanjung Piai akan dinaik taraf.*

**Johor Bahru**

Projek menaik taraf dan menambah baik kemudahan infrastruktur jeti nelayan di Tanjung Piai, dekat Pontian, menerima dana RM3 juta daripada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Md Farid Md Rafik, berkata permohonan bagi mendapatkan peruntukan itu dibuat selepas perbincangan mengenai isu yang dihadapi oleh nelayan di kawasannya.

Md Farid yang juga Ahli Parlimen Tanjung Piai berkata, perbincangan itu dilakukan bersama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pada Rabu minggu ini.

### Tingkat ekonomi

"Hasil permohonan itu, peruntukan berjumlah RM3 juta diluluskan. Projek menaik taraf dan menambah baik kemudahan infrastruktur ini pula akan dijalankan dengan pemantauan daripada agensi berkaitan," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Antara isu yang turut dibincangkan ialah Bantuan Sara Hidup Nelayan, kesukaran memperbaharui lesen, selain turut menyentuh mengenai kaedah dan cara terbaik meningkatkan ekonomi nelayan di Tanjung Piai.

Selain itu, beliau berkata, LKIM bersetuju untuk mempertimbang semula permohonan Bantuan Sara Hidup kepada nelayan dan meminta agar permohonan oleh nelayan yang gagal atau ditolak, mengemukakan rayuan kembali kepada lembaga itu.

Selain itu, katanya, LKIM juga bersetuju untuk berbincang bersama persatuan nelayan bagi mengenal pasti inisiatif ekonomi yang bersesuaian dan boleh dilaksanakan bersama pihak persatuan. **BERNAMA**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Proses pemutihan pesawah, elak ketirisan subsidi baja | | |
| MediaTitle | Berita Harian Online(www.bharian.com.my) | | |
| Date | 29 Jun 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 1 |
| Order Rank | 3 | Readership | 8 |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 500 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,500 |

# Proses pemutihan pesawah, elak ketirisan subsidi baja

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sedang menjalankan proses pemutihan bagi mengenal pasti jumlah sebenar pesawah di seluruh negara, sekali gus mengelak berlaku ketirisan pengagihan subsidi baja.
Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub,...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Pekerja Afrika: Keputusan belum muktamad – Salahuddin | | |
| MediaTitle | Malaysia Gazette (malaysiagazette.com) | | |
| Date | 29 Jun 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 10 | Readership | 1 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 450 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,350 |

# Pekerja Afrika: Keputusan belum muktamad – Salahuddin

Timbalan Presiden PAN yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub bercakap kepada media selepas Majlis Rumah Terbuka Parti Amanah Negara (PAN) di Taman Kejiranan Air Panas, Kuala Lumpur. foto HAZROL ZAINAL, 29 JUN 2019.
KUAL...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/6/2019 | KOSMO | RENCANA UTAMA | 20 |

RENCANA UTAMA



TANAMAN cili diusahakan hasil cetusan pendapat dalam mesyuarat jawatankuasa masjid.



DARI kiri: Sirat (tiga dari kiri) bersama ahli-ahli jawatankuasa (AJK) kariah masjid, Zulkefli Anuar (kiri), Hassan Basri Awang Besar (dua dari kiri) dan AJK Biro Muslimah dan Pembangunan Keluarga, Normahiran Abdul Malik menunjukkan hasil cili.

# Cili besar jana pendapatan masjid



CILI dipetik apabila tanaman mengeluarkan hasil.

**Masjid Jamek Pengkalan Hulu, Perak menanam 1,000 pokok cili di kawasan masjid itu bagi menjana pendapatan masjid dan jemaahnya.**

HENDAK seribu daya, tak hendak seribu dalih. Peribahasa tersebut bermaksud tiada apa yang mustahil bagi orang yang mempunyai tekad atau semangat untuk berjaya.

Itulah yang boleh digambarkan kepada usaha ahli jawatankuasa Masjid Jamek Pengkalan Hulu, Perak yang mengorak langkah baharu dalam usaha menjana pendapatan kepada masjid.

Kawasan masjid yang siap dibina sepenuhnya pada tahun 2011 dengan keluasan kira-kira 1.5 hektar itu dimanfaatkan sepenuhnya oleh ahli jawatankuasa apabila mereka sepakat untuk menanam kira-kira 1,000 pokok cili besar di sekeliling pagar masjid.

Setiausaha Masjid Jamek, Sirat Abdullah berkata, idea itu pada asalnya dicetuskan dalam mesyuarat jawatankuasa masjid hanya bertujuan menghijaukan lagi persekitaran rumah ibadah itu.

Bagaimanapun katanya, salah seorang ahli jawatankuasa mencadangkan agar idea tersebut dikembangkan lagi.

"Idea tersebut dipersetujui semua dan mulalah muncul cadangan agar ditanam sayur-sayuran yang boleh mendatangkan hasil sekali gus boleh menjana pendapatan untuk dimanfaatkan masjid dan jemaahnya.



SALEHUDIN

"Kebetulan ketika itu, salah seorang jemaah masjid juga ada mengusahakan tanaman cili besar secara komersial di ladangnya dan dia menyatakan kesanggupan untuk membantu pihak masjid," katanya.

Tambah Sirat yang juga bilal di masjid berkenaan, maka bermulalah kerjasama dengan syarikat tempatan, Siti Kraf Enterprise yang mempunyai pengalaman dalam penanaman dan penjualan cili besar sejak empat tahun lalu.

"Selepas kertas kerja dibentangkan dan persetujuan dengan syarikat tersebut dimeterai, pihak masjid mengeluarkan kira-kira RM5,000 untuk projek penanaman 1,000 pokok cili besar di dalam beg secara fertigasi.

"Projek yang bermula pada Mac lalu itu kini mula mengeluarkan hasil pertamanya. Sejak seminggu lalu kita telah menuai sebanyak 70 kilogram (kg) cili besar," katanya.

## Penjagaan

Menurut Sirat, penjagaan tanaman cili besar secara fertigasi tersebut tidaklah sukar memandangkan ia menggunakan sistem penyiraman automatik.

"Air yang disiram terus kepada pokok itu juga telah terdapat baja di dalamnya.

"Jadi, apa yang boleh mengganggu pengeluaran hasil cili besar ini ialah lalat buah dan serangga tersebut merupakan ancaman yang biasa dihadapi oleh para petani," katanya.

Bagaimanapun katanya, perkara tersebut boleh diatasi melalui kaedah tertentu yang dilaksanakan oleh wakil daripada Siti Kraf Enterprise.

Menurut Pengurus Siti Kraf Enterprise, Salehudin Sabberan, dia akan meluangkan



MASJID Jamek Pengkalan Hulu di Perak menjadi tarikan ramai ekoran perusahaan tanaman cilinya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/6/2019 | KOSMO | RENCANA UTAMA | 21 |

masa sekurang-kurang sejam setiap hari memantau perkembangan anak pokok cili tersebut selepas benih ditanam di dalam beg.

"Kita memulakan projek penanaman cili besar secara fertigasi ini dengan menyediakan bahan-bahan asas termasuk media tanaman, beg, paip, baja dan benih.

"Benih yang kita gunakan adalah yang terbaik kerana kita mahukan hasil yang terbaik," katanya.

Katanya, pada bulan pertama sehingga bulan ketiga, pemantauan berterusan anak pokok akan dilakukan dengan teliti agar ia dapat tumbuh dan membesar dengan baik.

"Saya sendiri akan meluangkan masa sekurang-kurangnya sejam setiap hari untuk memantau perkembangan anak-anak pokok ini sehingga ia mengeluarkan hasil.

"Memasuki bulan keempat, pokok cili tersebut akan mula mengeluarkan hasilnya. Setiap pokok boleh mengeluarkan hasil lebih daripada 2kg cili besar dalam tempoh masa tiga bulan selepas pokok mengeluarkan hasil," katanya.

## Dipetik setiap dua hari

Tambahnya, selepas pokok-pokok cili mengeluarkan hasilnya, dia akan menyerahkan penjagaan dan penuaian hasil itu kepada pihak masjid.

"Selepas tamat tempoh enam bulan jangka hayat pokok cili tersebut, kita akan menggantikannya dengan anak pokok cili yang baharu.

"Ini kerana pokok cili yang telah melebihi tempoh enam bulan tidak akan mengeluarkan hasil yang banyak lagi dan ia perlu digantikan dengan anak pokok baharu," katanya.

Bercerita mengenai pengalamannya sebagai peladang selepas bersara, Salehudin yang kini menanam kira-kira 5,000 beg cili besar di ladang miliknya berkata, pihaknya sangat gembira apabila ahli jawatankuasa masjid berminat mengusahakan tanaman tersebut dalam skala yang besar di dalam kawasan masjid.

"Usaha ini sangat baik memandangkan cili besar mempunyai permintaan yang tinggi dalam kalangan masyarakat sekali gus boleh mendatangkan hasil dalam jangka masa pendek.

"Saya berharap, usaha seperti ini dapat dilaksanakan masjid-masjid lain pada masa akan datang," katanya.

Menyambung perbualannya, Sirat yang juga Penolong Kanan Pentadbiran di Sekolah Kebangsaan Kuak Luar, Pengkalan Hulu itu berkata, hasil yang dipetik setiap dua hari itu kini telah pun dijual dengan harga yang lebih murah berbanding harga pasaran.

"Cili besar yang matang itu kita petik sendiri dan jualnya kepada jemaah masjid dengan harga yang murah berbanding harga pasaran sekarang iaitu kira-kira RM26 hingga RM30 sekilogram.

"Hasil yang dipetik juga dijual di pasaran tempatan oleh syarikat Siti Kraf Enterprise," katanya.

## Respons

Kata Sirat lagi, orang ramai yang berkunjung ke masjid tersebut meluahkan perasaan kagum dan teruja apabila pihak masjid mampu menguruskan tanaman fertigasi itu untuk menjana pendapatan.

"Kita banyak mendapat pujian daripada orang ramai terutamanya pengunjung dari luar daerah ini selepas pokok-pokok cili tersebut mengeluarkan hasilnya.

"Ramai yang bertanya mengenai kaedah penanaman dan penjagaan cili tersebut, selain mahu membelinya. Jadi, kita juga boleh berkongsi ilmu dengan mereka secara tidak langsung," katanya.

Tambahnya, ada juga yang mencadangkan pihak masjid mempelbagaikan lagi tanaman yang boleh mendatangkan hasil selain cili besar.

"Kita terima cadangan mereka namun buat masa ini kita fokus kepada tanaman cili terlebih dahulu.

"Pada masa akan datang mungkin kita boleh tambah lagi tanaman-tanaman lain yang boleh dimanfaatkan kepada jemaah dan masjid sendiri," katanya.



SIRAT menunjukkan salah satu anugerah yang diberi kepada Masjid Jamek Pengkalan Hulu, Perak.



SETIAP pokok boleh mengeluarkan hasil lebih daripada dua kilogram cili besar.

**INFO**

### Masjid Jamek Pengkalan Hulu, Perak

- Dibina pada 2009 dan siap sepenuhnya pada 2011
- Mula beroperasi pada 12 November 2011
- Dirasmikan Pemangku Raja Perak, Raja Dr. Nazrin Shah pada 15 November 2012
- Dibina di atas tanah seluas 1.5 hektar dengan kos kira-kira RM6 juta
- Kapasiti boleh memuatkan sehingga 2,000 jemaah
- Antara kemudahan termasuk dewan solat, sudut bacaan, gerabak rezeki, rak kaca mata, bilik tetamu, tandas OKU, bilik pengurusan jenazah, dapur dan pondok rehat

**Antara anugerah dirangkul ialah:**

1. Anugerah Tandas Bersih, Menarik dan Wangi (BMW) peringkat Parlimen Gerik 2017
2. Anugerah 5 Bintang Bilik Wuduk dan Tandas Cantik, Bersih peringkat negeri Perak 2018
3. Anugerah Pengurusan Kubur Terbaik peringkat Daerah Pengkalan Hulu 2018



MASJID turut meraih Anugerah Tandas Bersih, Menarik dan Wangi (BMW) peringkat Parlimen Gerik.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/6/2019 | KOSMO | RENCANA UTAMA | 21 |

# Sokong usaha bertani di masjid

JABATAN Pertanian Pengkalan Hulu menyokong sepenuhnya usaha Masjid Jamek Pengkalan Hulu melaksanakan projek penanaman cili besar secara fertigasi.



MOHD. NAZRI

**Penolong Pegawai Pertanian, Jabatan Pertanian Pengkalan Hulu, Mohd. Nazri Ishak** berkata, program seperti yang diusahakan masjid berkenaan sememangnya ada dalam pelaksanaan Jabatan Pertanian iaitu di bawah pertanian bandar.

"Bagaimanapun program pertanian bandar ini biasanya mendapat sambutan di taman-taman perumahan.

"Dalam program ini, kita menggalakkan orang ramai untuk bercucuk tanam dan hasilnya boleh dimanfaatkan kegunaan sendiri, selain menjualnya kepada orang lain," katanya.

Tambahnya, bagi program di Masjid Jamek Pengkalan Hulu ini, Jabatan Pertanian memberi bantuan khidmat nasihat dari segi penjagaan, pemilihan benih, baja dan peralatan.

"Jabatan Pertanian amat menyokong dan menggalakkan usaha sebegini dilakukan pihak masjid.

"Ia sekali gus membuka mata kepada orang ramai bahawa pihak masjid juga boleh melaksanakan aktiviti pertanian di dalam kawasan masjid," katanya.

Katanya, usaha yang dilakukan ini diharap dapat menjadi contoh kepada masjid-masjid lain pada masa akan datang.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 29/6/2019 | KOSMO | NEGARA | 16 |

# Harga durian timbang lebih kompetitif





SEBAHAGIAN pengunjung tidak melepaskan peluang untuk membeli durian yang dijual pada program *My Best Buy* dan JTDL FAMA di Selayang semalam.

**KUALA LUMPUR** – Peminat durian diminta tidak memboikot peniaga yang menjual durian mengikut kaedah timbang kerana strategi sistem pemasaran telah berubah, kata Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Datuk Ahmad Ishak (**gambar kecil**).

Menurutnya, sistem pemasaran 'timbang kilo' buah durian telah diterima pakai dan menjadikan harga pasaran durian terutamanya dari ladang dilihat lebih kompetitif berbanding sebelumnya.

"Dahulu harga jualan durian kampung di ladang sangat rendah dan dijual secara membilang (pukal) kepada peraih. Tapi sekarang peladang memasarkan durian kepada penjual melalui timbangan dan bayaran pada harga kilo.

"Jadi ini telah memudahkan sistem perkiraan serta adil. Sebab itulah juga peniaga menjual durian dengan harga timbang dan jarang lagi menjual kaedah longgok," katanya.

Beliau berkata ketika ditemui pada Program *My Best Buy* (*MBB*) dan Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) di pekarangan ibu pejabat FAMA di Selayang semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kempen di media sosial yang mengajak orang ramai memboikot durian timbang sebagai tanda protes kerana harga durian boleh mencecah sehingga RM100 sebiji jika dijual mengikut cara itu.

Menurut Ahmad, kaedah jualan longgok dilihat tidak begitu adil buat pembeli kerana jika tidak bertuah, pembeli berkemungkinan mendapat buah yang rosak dan eloklah membeli durian timbang dengan meminta peniaga membelahnya supaya dapat melihat isinya dahulu. – Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 29/6/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 44 |

# Usah boikot jualan durian timbang

■ KUALA LUMPUR 28 JUN

PEMINAT durian diminta usah memboikot peniaga yang menjual durian mengikut kaedah timbang kerana strategi sistem pemasaran telah berubah.

Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Datuk Ahmad Ishak berkata, sistem pemasaran 'timbang kilo' buah durian diterima pakai dan menjadikan harga pasaran durian terutamanya dari ladang dilihat lebih kompetitif berbanding sebelumnya.

"Dulu harga jualan durian kampung di ladang sangat rendah dan dijual secara membilang (pukal) kepada peraih, tetapi sekarang peladang memasarkan durian kepada penjual melalui timbangan dan bayaran pada harga kilo.

"Jadi ini memudahkan sistem perkiraan serta adil. Sebab itulah juga peniaga menjual durian dengan harga timbang dan jarang lagi menjual kaedah longgok," katanya dalam Program My Best Buy (MBB) dan Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) di pekarangan Ibu Pejabat FAMA di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi FAMA, Ishak Ismail dan Timbalan Ketua Pengarah Operasi FAMA, Zainal Abidin Yang Razali.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai kempen dalam media sosial yang mengajak orang ramai memboikot durian timbang sebagai tanda protes kerana harga durian boleh mencecah sehingga RM100 sebiji jika dijual mengikut cara itu.

Ada pengguna laman sosial mendakwa kulit buah itu sahaja sudah mencecah beberapa kilogram (kg) dan ini yang menjadi punca orang ramai memboikot durian timbang.

Ahmad berkata, kaedah jualan longgok dilihat tidaklah begitu adil buat pembeli kerana jika tidak bertuah, pembeli berkemungkinan mendapat buah rosak dan eloklah membeli durian timbang dengan meminta peniaga membelahnya supaya dapat melihat isinya dahulu.

Menurutnya, soal harga durian semasa bergantung kepada permintaan dan penawaran serta peminat raja buah itu dinasihatkan membuat pilihan bijak dengan membeli durian ketika musim buah.

Dalam pada itu, katanya, FAMA menyasarkan nilai jualan RM5 juta bagi program JTDL pada tahun ini berikutan jualan sebanyak RM3.26 juta telah direkodkan pada tahun lepas dengan penglibatan 819 usahawan tani.

Katanya, sejak awal tahun sehingga Mei lalu, FAMA merekodkan nilai jualan hampir RM2 juta dengan 421 usahawan tani.

"Dengan berbaki enam bulan lagi, kita giat mengatur pelbagai program termasuk mencari lokasi pemasaran baharu dan menjalinkan kerjasama dengan lapan lagi pasar raya tahun ini," katanya.

JTDL yang membabitkan peserta Ladang Kontrak dijalankan sekali setiap minggu di beberapa lokasi terpilih setiap daerah dengan harga lima hingga 20 peratus lebih murah berbanding harga pasaran. - BERNAMA



AHMAD ISHAK (kanan) bersama Ishak Ismail (dua dari kanan) dan Zainal Abidin Yang Razali (dua dari kiri) mengacau wajik durian dalam Program My Best Buy dan Jualan Terus Dari Ladang di Kuala Lumpur, semalam. - BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/6/2019 | BERITA HARIAN | INSPIRASI | 20 |

# Petani labu manis raih RM30,000 semusim

Peserta Ladang Kontrak FAMA gilir dengan tanaman tembikai

[FOTO BAHAROM BAKAR/BH]



**Timbalan Pengarah FAMA negeri, Sahrizan Md Sarip (kiri)** *dan Penyelaras Ladang Kontrak, Hazimin Sulong (kanan) dan Mohd Ariff melakukan proses pengasingan labu manis sebelum dijual, di Kuala Terengganu, semalam.*

**Oleh Baharom Bakar**
bhnews@bh.com.my

**Permaisuri**

Sebuah keluarga di sini, membuktikan perumpamaan berbudi pada tanah pasti ada hasilnya apabila mampu memperoleh keuntungan bersih RM30,000 semusim hasil menanam labu manis.

Mohd Ariff Ab Razak, 33, dari Kampung Beris To Ku, dekat sini yang juga peserta ladang kontrak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), berkata keuntungan itu diperoleh hasil menjual labu manis pada setiap musim iaitu kiraan 75 hari bagi setiap musim.

Beliau yang juga penjawat awam dan bertugas di agensi keselamatan di Jertih, Besut, berkata sebelum mengusahakan tanaman labu manis sejak tiga tahun lalu, beliau sekadar membantu ibu mentuanya, Hasnah Ngah, 58, mengusahakan tanaman tembikai pada waktu terluang.

Bagaimanapun, Mohd Ariff mula memberi perhatian untuk menceburi bidang pertanian, selepas ibu mentuanya kerap menjadi mangsa penipuan orang tengah ketika proses jual beli tembikai.

Mohd Ariff berkata, tanah dibiarkan kosong selepas tembikai dituai juga mendorongnya untuk mengusahakan tanaman labu manis, walaupun dibantah ibu mentuanya dengan alasan buah itu sukar untuk dipasarkan.

"Selepas berbincang dan mendapat pandangan termasuk khidmat nasihat pegawai FAMA terutama mengenai pasaran, kami memberanikan diri mengusahakan tanaman labu secara bergilir dengan tanaman tembikai.

"Alhamdulillah, hasil pengeluaran labu manis di atas tanah seluas kira-kira 1.6 hektar adalah sebanyak 20 tan semusim," katanya ketika ditemui di ladangnya, di sini.

> "Proses tanaman labu sangat mudah serta tidak memerlukan air yang banyak seperti penanaman tembikai dan risiko diserang haiwan perosak juga sangat kurang. Selepas labu mencapai usia 30 hari dan mula menjalar, tanaman itu tidak lagi memerlukan penjagaan rapi"
>
> ***Mohd Ariff Ab Razak,*** *Peserta Ladang Kontrak FAMA*

**Banyak masa terluang**

Mohd Ariff berkata, jadual kerjanya yang mengikut syif menyebabkan dia banyak masa terluang untuk ke ladang dan sering dibantu isteri, Nor Farhana Mamat, 33, selain ibu mentua.

"Proses tanaman labu sangat mudah serta tidak memerlukan air yang banyak seperti penanaman tembikai dan risiko diserang haiwan perosak juga sangat kurang. Selepas labu mencapai usia 30 hari dan mula menjalar, tanaman itu tidak lagi memerlukan penjagaan rapi.

"Dalam semusim, hanya tiga atau empat kali disiram air dan baja digunakan ialah baja asas seperti tahi ayam, baja pokok serta baja dibekalkan Jabatan Pertanian negeri," katanya.

Mohd Ariff berkata, bagi mendapatkan hasil yang baik, pokok hendaklah ditanam antara jarak dua meter dan setiap pokok boleh mengeluarkan antara enam hingga tujuh biji labu.

"Harga labu tidak menentu kerana ia mengikut keadaan dan bekalan. Biasanya harga labu dibeli oleh FAMA antara RM1.50 satu kilogram (kg) dan boleh mencecah sehingga RM3.50 terutama pada Oktober hingga Disember," katanya.

Sementara itu, Pengarah FAMA negeri, Fauzi Mohamed berkata, pihaknya memerlukan 3,600 tan labu manis setahun untuk memenuhi permintaan terutama penduduk di negeri pantai barat.

Katanya, FAMA hanya mampu membekalkan antara 90 hingga 1,200 tan labu manis setahun, termasuk 350 tan dibekalkan oleh 70 usahawan ladang kontrak terutama pengusaha dari Terengganu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/6/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 34 |





MOHD Ariff bersama anaknya, Qaseh Aisya Humaira, 6, Hasnah dan isterinya menghabiskan masa terluang di ladang labunya di Kampung Beris To Ku, Setiu.



MOHD Ariff menunjukkan labu yang ditanamnya.

# SEMANIS LABU

## Usaha gigih sekeluarga berbudi pada tanah bawa pendapatan RM30,000 semusim

SABTU BEST!

Baharom Bakar
am@hmetro.com.my

Permaisuri

Tidak rugi berbudi pada tanah kerana hasilnya lumayan. Berikutan itu sekeluarga di Kampung Beris To Ku, Setiu di sini nekad menanam labu manis sehingga memperoleh untung besar setiap kali musim.

Kata Mohd Ariff Ab Razak, 33, keuntungan diperoleh RM30,000 semusim hasil tuaian labu itu yang sudah diusahakannya sejak tiga tahun lalu.

Menurutnya, projek tanaman itu bermula sebaik mendaftar sebagai peserta ladang kontrak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama).

Dia sebelum itu kerap membantu ibu mentuanya, Hasnah Ngah, 58, yang menanam tembikai.

"Saya penjawat awam dan bertugas di Jertih, jadi masa terluang banyak gunakan untuk bantu mak mentua mengusahakan tembikainya.

"Daripada situ, minat terhadap bidang pertanian timbul dan saya mula beri perhatian apabila dia kerap menjadi mangsa penipuan orang tengah ketika proses jual beli tembikai.

"Memandangkan tanah kosong selepas tembikai dituai, saya cuba tanam labu manis walaupun pada awalnya dibantah ibu mentuanya dengan alasan buah itu sukar untuk dipasarkan," katanya ketika ditemui di ladangnya di sini, semalam.

Mohd Ariff berkata, selepas berbincang dan mendapatkan pandangan serta nasihat pegawai Fama, mereka memberanikan diri mengusahakan tanaman labu secara bergilir dengan tanaman tembikai.

"Alhamdulillah, pengeluaran labu manis di atas tanah seluas 1.6 hektar boleh cecah 20 tan metrik semusim yang membabitkan 75 hari," katanya yang turut dibantu isteri, Nor Farhana Mamat, 33.

Katanya, tanaman labu mudah dijaga dan tidak memerlukan air banyak seperti tembikai selain rendah risiko diserang haiwan perosak.

"Selepas labu mencapai usia 30 hari dan mula menjalar, tanaman itu tidak lagi memerlukan penjagaan rapi dan dalam tempoh semusim, hanya tiga atau empat kali saja perlu siram air.

> "Pengeluaran labu manis di atas tanah seluas 1.6 hektar boleh cecah 20 tan metrik semusim"
> Mohd Ariff

"Manakala baja digunakan ialah baja asas seperti tahi ayam, baja pokok serta baja dibekalkan Jabatan Pertanian negeri," katanya yang memberitahu labu dijual tidak menentu dan ia biasanya dibeli Fama, antara RM1.50 sekilogram dan boleh mencecah sehingga RM3.50 sekilogram terutama pada Oktober hingga Disember.

Sementara itu, Pengarah Fama negeri Fauzi Mohamed berkata, pihaknya memerlukan 3,600 metrik tan labu manis setahun untuk memenuhi permintaan terutama penduduk di negeri pantai barat.

Katanya, FAMA hanya mampu membekalkan antara 90 hingga 1,200 metrik tan labu manis setahun, termasuk 350 metrik tan dibekalkan oleh 70 usahawan ladang kontrak terutama pengusaha dari Terengganu.



TIMBALAN Pengarah Fama negeri, Sahrizan Md Sarip (kiri) dan Penyelaras Ladang Kontrak, Hazimin Sulong bersama Mohd Ariff melakukan proses pengasingan labu manis sebelum dijual.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/6/2019 | BERITA HARIAN | INSPIRASI | 20 |

# Berhenti jadi tukang masak tanam cendawan

**Pekan:** Keputusan meninggalkan kerjaya tukang masak profesional untuk mengusahakan tanamam cendawan tiram kelabu ternyata berhasil buat Shafawira Ramlee selepas dia kini mampu menuai hasil antara 40 hingga 100 kilogram (kg) setiap hari.

Permintaan tinggi terhadap tumbuhan itu menambahkan lagi semangatnya untuk terus berusaha meningkatkan pengeluaran bagi memenuhi pasaran di daerah Kuantan dan Rompin.

Shafawira berkata, dia kini mempunyai lebih 100,000 beg cendawan ditempatkan dalam 12 rumah simpanan pelbagai saiz di kawasan Pejabat Pertanian Daerah Permatang Pauh dan Pusat Pertanian Tanah Putih, di sini.

Katanya, sokongan Pejabat Pertanian Pekan menambahkan lagi semangatnya meneruskan projek itu yang diusahakan arwah bapanya, Ramlee Awang sejak 20 tahun lalu.

## Pengeluaran bertambah

"Pengeluaran hasil cendawan banyak bergantung kepada keadaan cuaca dan pengeluaran akan bertambah antara tiga hingga lima kali ganda pada musim hujan kerana kelembapan tinggi.

"Ketika musim panas pula, aktiviti menyiram perlu dilakukan dua kali sehari bagi mengelakkan benih dalam beg mati jika suhu dalam rumah simpanan panas," katanya, di sini.

Beliau yang sebelum ini bertugas dengan Kolej Universiti Yayasan Pahang (UCYP) berkata, permintaan terhadap cendawan tiram kelabu sangat menggalakkan, selain turut menjadi pilihan peniaga dan pelanggan di pasar tani serta pekan sehari.

"Setiap kilogram cendawan dijual pada harga RM12 dan saya mengutip hasil dua kali sehari dibantu lima pekerja.

"Selain menjual cendawan segar, saya juga turut membekalkan bongkah cendawan dengan harga RM2 seunit dan bongkah ini dibuat menggunakan campuran habuk kayu getah, dedak kulit gandum, kapur dan air yang mampu bertahan serta mengeluarkan hasil selama empat bulan.

[FOTO MOHD RAFI MAMAT/BH



*Shafawira memetik cendawan tiram kelabu yang matang.*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/6/2019 | SINAR HARIAN | TEMERLOH | 36 |

# Makan durian sambil belajar cara tanam



Ladang milik Mohd Lokman menjadi tumpuan apabila musim durian.



Mohd Lokman menunjukkan durian yang diikat di ladangnya.

**JERANTUT** - Pengunjung berpeluang mempelajari kaedah tut pokok durian selain ilmu penanaman dan penjagaan raja buah itu secara percuma di ladang Fresh Nursery Farm di sini.

Ladang milik Bumiputera itu kini mula menjadi buruan peminat durian berikutan musim raja buah itu sudah bermula.

Pemiliknya, Mohd Lokman Mohd Isa, 60, bersama kakitangan bersedia memberi penerangan kepada mereka yang berminat.

"Ini satu peluang keemasan kerana selain menikmati pelbagai klon durian pengunjung juga boleh belajar kaedah itu secara percuma," katanya.

Menurutnya, ladang berkenaan juga menawarkan pelbagai jenis durian termasuk Musang King, duri hitam, udang merah, 101 dan D24.

Tambahnya, durian seperti Musang King dan duri hitam tidak akan jatuh ke tanah kerana semuanya diikat bagi menjaga kualiti.

"Pengunjung boleh memilih durian segar sama ada untuk makan di sini atau dibawa pulang.

"Kami juga memberi jaminan jika buah terbabit rosak atau busuk akan digantikan selain menawarkan harga berpatutan," katanya.

Ladang berkenaan dibuka bermula jam 10 pagi hingga 5 petang setiap hari.

Sementara itu, seorang pengunjung dari Kuala Lumpur, Amirul Heidi Abdullah, 31, berkata, dia datang ke ladang itu kerana mahu menikmati suasana alam semula jadi selain merasai sendiri pengalaman mengutip buah.

Katanya, sebelum ini dia hanya beli di tepi jalan atau makan di rumah.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 29/6/2019 | BERITA HARIAN | MUKA SEPULUH | 10 |

# Galak pekebun kecil usaha secara estet

Konsep pertanian estet yang disertai petani dan pekebun kecil perlu dipandang serius oleh semua pihak terbabit dalam usaha meningkatkan hasil dan pendapatan penduduk luar bandar. Seperti disarankan Perdana Menteri, konsep itu seharusnya mencantumkan semua tanah milik pekebun atau petani dan diurus secara profesional, bukannya pemilik hanya mengusahakan tanah milik sendiri seperti dilaksanakan di FELDA ketika ini.

Tun Dr Mahathir Mohamad mengakui konsep FELDA itu tersilap kerana apa yang dimahukan kerajaan sekarang ialah buat estet besar dengan setiap peneroka miliki 10 ekar (4 hektar), kalau 10,000 ekar (4,000 hektar) maknanya ada 100 peneroka. Bayangkan, kita ada lebih 650,000 pekebun kecil sawit tetapi apabila harga sawit turun, peneroka tiada hasil dan sebab itu, apabila ada estet peneroka juga boleh mengusahakan tanaman kontan untuk memastikan hasil berterusan walaupun harga komoditi jatuh.

Satu lagi masalah ialah dari segi pemasaran, tetapi melalui konsep estet yang diuruskan secara profesional, masalah ini boleh ditangani sebaik mungkin. Namun, pekebun sayur di Cameron Highlands, termasuk pekebun kecil sebelum ini tidak bersetuju dengan cadangan Dr Mahathir, sebaliknya mahu kerajaan mewujudkan pusat pengumpulan pertanian yang membuat pembelian pada harga tetap supaya petani menikmati pendapatan tetap.

Apapun, konsep ladang secara besar-besaran lebih membawa manfaat dari segi pengurusan, pemasaran, kos lebih rendah dan yang penting, hasil pendapatan peserta (pemilik tanah) akan meningkat.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 29/6/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 30 |





SHAFAWIRA menggredkan dan memetik cendawan tiram kelabu sebelum dipasarkan di Pejabat Pertanian Daerah Permatang Pauh.

# Cef tinggal kerjaya ceburi projek tanaman cendawan tiram

**Pekan:** Bukan mudah meninggalkan kerjayanya sebagai tukang masak profesional, namun Shafawira Ramlee tekad demi menceburi projek tanaman cendawan tiram.

Keputusan itu nyata membuahkan hasil lumayan apabila dia mampu menuai antara 40 dan 100 kilogram (kg) setiap hari.

Malah, projek itu yang diambil alih daripada arwah bapanya Ramlee Awang sudah diusahakan sejak 20 tahun lalu dan menjadi pengeluar cendawan tiram bagi pasaran daerah ini, Kuantan dan Rompin.

Shafawira, 42, berkata, permintaan tinggi terhadap cendawan itu menaikkan semangatnya untuk berusaha menambah tanaman berkenaan.

"Saya ada lebih 100,000 beg cendawan yang ditempatkan dalam 12 rumah simpanan pelbagai saiz di kawasan Pejabat Pertanian Daerah Permatang Pauh dan Pusat Pertanian Tanah Putih, di sini.

"Sokongan Pejabat Pertanian Pekan menambahkan lagi semangat saya untuk teruskan projek ini menggantikan arwah ayah.

"Lagipun, pengeluaran cendawan banyak bergantung kepada cuaca dan hasil bertambah antara tiga hingga lima kali ganda pada musim hujan kerana ia memerlukan kelembapan tinggi," katanya di sini, semalam.

Menurutnya, pada musim panas, aktiviti menyiram perlu dilakukan dua kali sehari bagi mengelak benih dalam beg mati.

Dia yang sebelum ini bertugas di Kolej Universiti Yayasan Pahang (UCYP) berkata, hasil tanaman itu turut dijual di pasar tani dan pekan sehari dengan setiap kilogram cendawan berharga RM12.

"Saya mengutip hasil dua kali sehari dibantu lima pekerja. Selain jual cendawan segar, saya juga membekalkan bongkah cendawan dengan harga RM2 seunit dan bongkah ini dibuat menggunakan campuran habuk kayu getah, dedak kulit gandum, kapur dan air yang mampu bertahan serta mengeluarkan hasil selama empat bulan," katanya.

Selain itu, Shafawira memberi khidmat nasihat dan tunjuk ajar kepada individu yang berminat menceburi penanaman cendawan.